

04 FEB 2002

Abdullah-Gabung

PENGAMBILALIHAN TRI OLEH TELEKOM PERLU AMBILKIRA PEMEGANG SAHAM MINORITI

PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- Pengambilalihan Technology Resources Industries Bhd (TRI) oleh Telekom Malaysia Berhad perlu mengambilkira kepentingan pemegang saham minoriti, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata penggabungan dua buah syarikat yang menjalankan perniagaan telefon selular itu adalah baik dan akan memperkukuhkan industri telekomunikasi di negara ini tetapi kepentingan pemegang saham minoriti tidak harus diabaikan.

"Kita serahkan kepada (dua) syarikat berkenaan untuk bincang dan fikir sebaik-baiknya cadangan penggabungan itu. Kita suka lihat adanya nanti consolidation dalam bidang telekomunikasi di negara ini," katanya mengulas mengenai cadangan Telekom itu selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kabinet mengenai pekerja asing di sini.

Beliau berkata kerajaan mengharapkan penggabungan seperti itu akan mewujudkan sebuah syarikat besar yang mempunyai kekuatan kewangan dan mampu bersaing.

"Kita harap dengan penggabungan tak berlaku lagi dualisme untuk meluaskan infrastruktur berkaitan telekomunikasi dan syarikat terbabit akan memperbaiki khidmat mereka," kata Abdullah yang menjalankan tugas-tugas Menteri Kewangan semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York dan bercuti sebulan sejak Sabtu lepas.

Sebelum ini Dr Mahathir berkata Telekom sudah lama berminat untuk pengambilalihan itu tetapi soalnya adalah harga.

Menurut laporan dan spekulasi industri, Telekom pernah menawarkan untuk membeli ekuiti dalam TRI tetapi ia dinafikan oleh Telekom.

TRI memiliki Celcom (Malaysia) Sdn Bhd, pengendali perkhidmatan telefon selular kedua terbesar Malaysia dengan pelanggan kira-kira 2.13 juta pada akhir lepas.

Telekom, satu entiti kerajaan, adalah syarikat telekomunikasi tertua dan terbesar di negara ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan sebelum ini berkata kerajaan mahu lebih industri telekomunikasi bergabung kerana bilangan peserta dalam industri itu (sebanyak lima pengendali) adalah terlalu banyak.

-- BERNAMA

SHS SHS MOZ